

# 17 lagi kes dijangkiti Chikungunya

B.H 15/12/08 M/S 17

## 27 dikesan setakat ini

Oleh Siti Fatimah Mohamed  
Anwar dan Riadz Radzi  
[bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)

**S**UNGAI PETANI: Tujuh belas lagi penduduk Kampung Baru Sungkap Para di sini, dimasukkan ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), di sini, kelmarin selepas disahkan dijangkiti demam Chikungunya menjadikan jumlah dijangkiti penyakit itu di kampung berkenaan setakat ini 27 orang.

Timbalan Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Shahidan Hashim, berkata mangsa terbaru dimasukkan ke HSAH, adalah 10 wanita dan tujuh lelaki berusia 20 hingga 50-an.

Katanya, mereka menerima rawatan selepas mengalami tanda demam Chikungunya seperti sakit sendi, bengkak badan dan lemah seluruh ang-

**“**Setakat ini penyakit itu hanya dikesan di kampung berkenaan. Beliau tidak menolak kemungkinan ia turut merebak ke kampung berdekatan”

**Dr Shahidan Hashim**

Timbalan Pengarah  
Kesihatan Kedah

gota badan.

Beliau berkata, kes dikesan di Kampung Baru Sungkap Para Jumaat lalu itu adalah yang pertama di Kedah. Sebelum ini kes sama dikesan di beberapa negeri di selatan, termasuk Melaka, Johor dan Negeri Sembilan.

"Keadaan penyakit itu kini terkawal. Mereka yang dimasukkan ke hospital itu tidak serius dan cuma memerlukan rawatan lanjut," katanya ketika ditemui di kampung itu, semalam.

Terdahulu, pegawai dan kakitangan Jabatan Kesihatan Kedah dan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP) serta 200 penduduk bergotong-royong membersihkan kampung itu yang turut disertai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri, Dr Ismail Salleh dan Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Selambau, V Arumugam.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak, berkata kerajaan negeri akan memantau perkembangan terbaru kes demam Chikungunya di kampung ber-